

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan alat kebesaran Kesultanan Melayu Melaka.

- Nobat
- Regalia
- Cap Mohor

Apakah kepentingan alat tersebut?

- A Menjadi hantaran perkahwinan
B Merupakan bahan perdagangan
C Membuktikan kekuatan kerajaan
D Melambang kedaulatan pemerintah
- 2 Rajah berikut merujuk bidang tugas pembesar dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Pembesar	Tugas
Temenggung	Menjaga keselamatan kota Melaka
Laksamana	X

Apakah X?

- A Mengetuai utusan luar
B Mengutip cukai pelabuhan
C Menjadi panglima angkatan laut
D Mengawal perbendaharaan negara

- 3 Tokoh berikut merupakan nasionalis Thailand pada abad ke-20.



Nai Pridi Phanomyong



Field Marshall
Phibulsongkram

Apakah kesan perjuangan mereka?

- A Kebebasan bergerak disekat
- B Pentadbiran komunis bermula
- C Ekonomi kawalan dilaksanakan
- D Sistem raja berkuasa mutlak berakhir

- 4 Maklumat berikut merujuk kepada tokoh intelektual berpendidikan agama.

- Syed Sheikh al-Hadi
- Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin

Bagaimanakah tokoh tersebut menyebarkan pengaruh mereka?

- I Menerbitkan akhbar
- II Menubuhkan madrasah
- III Mengadakan persidangan
- IV Menandatangani perjanjian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 5 Rajah berikut merujuk kepada perjanjian yang ditandatangani selepas tamatnya Perang Dunia Pertama.



Apakah yang disarankan dalam deklarasi tersebut?

- A Saiz angkatan tentera dihadkan
 - B Kuasa mutlak raja dikurangkan
 - C Sempadan negara berasaskan bangsa
 - D Pembentukan kerajaan bercorak republik
- 6 Pernyataan berikut menerangkan kesan Perang Dunia Kedua.

Perang di Eropah dan di Asia Pasifik telah mengorbankan hampir 75 juta nyawa dan membawa kemusnahan harta benda.

Apakah iktibar yang diperoleh daripada peristiwa tersebut?

- A Kesepakatan membawa berkat
- B Menghargai nikmat keamanan
- C Mengutamakan kekuatan tentera
- D Kewibawaan pemimpin asas kejayaan

- 7 Syarat kewarganegaraan berikut diberikan kepada seseorang individu kesan daripada perubahan pentadbiran di Tanah Melayu pada abad ke-20.

- Kewarganegaraan berasaskan prinsip jus soli
- Berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara

Perubahan pentadbiran tersebut merujuk kepada pelaksanaan pentadbiran

- A Melayu Raya
 - B Malayan Union
 - C Persekutuan Malaysia
 - D Persekutuan Tanah Melayu
- 8 Mengapakah Sabah diserahkan kepada British selepas kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua?
- A Melaksanakan dasar dekolonisasi
 - B Menamatkan pemberontakan
 - C Meneruskan dasar British
 - D Masalah pewarisan takhta

- 9 Petikan berikut menerangkan hartal yang diadakan di negara kita pada tahun 1940-an.

20 SEPTEMBER 1947- Parti gabungan PUTERA-AMCJA telah menganjurkan hartal dengan meminta semua peniaga menutup kedai mereka.

Mengapakah parti tersebut bertindak demikian?

- A Penjajahan tentera Jepun
 - B Pengenalan Malayan Union
 - C Penolakan Perlembagaan Rakyat
 - D Pembubaran Parti Komunis Malaya
- 10 Apakah faktor yang menjayakan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Kelemahan pemerintahan British
 - B Sokongan pentadbir British
 - C Bantahan golongan radikal
 - D Pengaruh serantau
- 11 Ideologi komunis dibawa masuk ke negara kita pada tahun 1920-an melalui China. Bagaimanakah ideologi tersebut tersebar ke negara kita?
- I Sekolah Cina
 - II Rumah ibadah
 - III Persatuan penduduk
 - IV Kesatuan sekerja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 12 Pilih pasangan yang tepat tentang peranan pasukan keselamatan yang ditubuhkan untuk menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

Pasukan		Tugas
A	Auxiliary Police	Mengesan tempat persembunyian komunis
B	Home Guard	Melindungi pekerja lombong bijih timah
C	Senoi Praaq	Mempertahankan bandar dan kampung
D	Special Constables	Membuat rondaan di pinggir hutan

- 13 Isu berikut dihadapi orang Melayu sebelum kemerdekaan Tanah Melayu.

Orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan perusahaan.

Bagaimanakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum(JHAK) mengatasi isu tersebut?

- A Menetapkan kuota pelaburan asing
- B Mengurangkan kemasukan golongan imigran
- C Menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
- D Menggiatkan fungsi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
- 14 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 telah mengemukakan teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.

Apakah hasrat jawatankuasa tersebut?

- A Memupuk perpaduan kaum
- B Mengasas idea kemerdekaan
- C Membasmi kemiskinan rakyat
- D Menjaga keamanan negara

15. Maklumat berikut berkaitan dengan Pilihan Raya Umum pertama di negara kita.

Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

- Memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan
- Diisytiharkan oleh Sir Donald MacGillivray

Apakah kepentingan pilihan raya tersebut?


- A Menamatkan darurat
- B Merintis kemerdekaan negara
- C Melindungi kepentingan ekonomi
- D Mengukuhkan institusi sistem beraja
- 16 Petikan berikut merupakan sebahagian ucapan Tunku Abdul Rahman pada tahun 1955.

“ Ini adalah hari yang amat penting dalam sejarah Majlis ini...Buat pertama kalinya Majlis ini bersidang sebagai sebuah majlis yang majoriti ahlinya dipilih.”

Majlis dalam petikan tersebut merujuk kepada

- A Majlis Raja-Raja Melayu
- B Majlis Eksekutif Persekutuan
- C Majlis Mesyuarat Perundangan
- D Majlis Perundangan Persekutuan

- 17 Rajah berikut berkaitan dengan perjalanan rombongan rundingan kemerdekaan ke London pada tahun 1956.



Mengapakah anggota rombongan menggunakan pengangkutan yang berbeza?

- A Menyusun strategi rundingan dengan British
 - B Membincangkan pelantikan Jemaah Menteri
 - C Menjimatkan kos anggota rombongan
 - D Menyusun anggota kabinet kerajaan
- 18 Apakah inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- A Pengawalan sistem kewangan
 - B Pengekalan jawatan Pesuruhjaya Tinggi
 - C Pemansuhan prinsip pengasingan kuasa
 - D Pengamalan sistem Demokrasi Berparlimen
- 19 Maklumat berikut berkaitan persediaan menyambut pemasyuran kemerdekaan negara.

Jawatankuasa Persediaan Fizikal

Mengapakah jawatankuasa tersebut dibentuk?

- A Memupuk perpaduan antara kaum
- B Menyediakan perumahan kos rendah
- C Meningkatkan taraf kesihatan rakyat
- D Menonjolkan identiti negara Merdeka



20 Peristiwa berikut berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1950-an.

- Bendera **Union Jack** diturunkan
- Lagu **God Save The Queen** dimainkan

- A Menandakan berakhirnya pentadbiran Britain
- B Mengiktiraf kedaulatan Majlis Raja-Raja Melayu
- C Mengesahkan pelantikan Gabenor Malayan Union
- D Memperakui kesahihan keputusan Pilihan Raya Umum

21 Peristiwa yang manakah mencetuskan konsep kedaulatan moden?

- A Revolusi Perancis
- B Kemerosotan Jerman
- C Kerjasama pemerintah
- D Penubuhan Liga Bangsa

22 Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengukuhkan pertahanan negara?

- A Menyekat pendatang asing
- B Mendapatkan tentera upahan
- C Menetapkan sempadan negara
- D Memodenkan teknologi senjata

23

Apakah ciri tradisional yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan?

- I Agama Islam
- II Bahasa Melayu
- III Raja Berperlembagaan
- IV Demokrasi Berparlimen

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24

Mengapakah berlaku pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1963?

- A Pemisahan Singapura
- B Pembentukan Malaysia
- C Mengukuhkan sistem beraja
- D Menjalankan pilihan raya umum

25

Manakah antara berikut merupakan ciri pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen dalam Perlembagaan Persekutuan?

- I Kebebasan bersuara
- II Kedudukan raja diiktiraf
- III Rakyat diberi hak mengundi
- IV Perdana Menteri ketua negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 26 Apakah kebaikan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan Sistem Demokrasi Berparlimen di negara kita?
- A Memupuk perpaduan
 - B Mengukuhkan kuasa pemerintah
 - C Mengurangkan birokrasi pentadbiran
 - D Mewujudkan kerajaan yang adil dan prihatin
- 27 Mengapakah kerajaan berkerjasama mewujudkan rangkaian kawasan perlindungan seperti taman negara dan taman laut?
- A Memperbaiki ekosistem
 - B Mempelbagaikan hidupan air
 - C Mengekalkan warisan biodiversiti
 - D Memelihara kehidupan terumbu karang
- 28 Gambar berikut merupakan Flat Jalan Pekeliling di Jalan Tun Abdul Razak Kuala Lumpur.




Mengapakah kerajaan menyediakan perumahan tersebut?

- A Membanteras gejala sosial
- B Menghapuskan kadar kemiskinan
- C Meningkatkan pemilikan rumah rakyat
- D Mengurangkan kadar pengangguran

29 Apakah tujuan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mencadangkan Singapura menyertai persekutuan Malaysia?

- A Mengukuh ekonomi
- B Meningkatkan perpaduan
- C Menstabilkan politik serantau
- D Membendung ancaman komunis

30 Rajah berikut berkaitan dengan Perjanjian Malaysia antara Persekutuan Tanah Melayu dengan British.



Apakah X?

- A Rundingan
- B Kerjasama
- C Perjanjian
- D Perbahasan

31 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha memerangi komunis.

- Rancangan Briggs
- Operasi Hammer

Mengapakah usaha tersebut amat berkesan dalam menangani kegiatan komunis?

- A Tindakan ketenteraan berkesan
- B Peruntukan kewangan besar
- C Hati rakyat telah dimenangi
- D Kawalan keselamatan ketat

32 Bagaimanakah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) berusaha mengatasi masalah rusuhan kaum di negara kita?

- A Menangguhkan parlimen
- B Mewujudkan pusat perlindungan
- C Melaksanakan perintah berkurung
- D Menkuatkuasakan Akta Hasutan 1948

33 Gambar berikut merupakan perkhidmatan laut yang di gunakan oleh masyarakat antara Semenanjung dan Sabah serta Sarawak.



Apakah matlamat utama Feri Malaysia disediakan kepada masyarakat?

- A Intergrasi penduduk
- B Percepatkan perjalanan
- C Kemudahan perkhidmatan
- D Hubungan dengan pesisir negara jiran

Rukun Negara ialah ikrar yang perlu dihayati oleh rakyat Malaysia.
Apakah kesan ikrar tersebut terhadap negara?

- I Memupuk keharmonian negara
- II Memantapkan hubungan serantau
- III Memperkasa semangat kenegerian
- IV Meningkatkan kesejahteraan rakyat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35

Gambar berikut berkaitan kemudahan infrastruktur kesihatan yang disediakan oleh kerajaan.



Matlamat utama kerajaan menyediakan kemudahan tersebut adalah untuk

- A meningkatkan kualiti hidup
- B mengelakkan penyakit berjangkit
- C pendedahan kemahiran kesihatan
- D penyediaan rawatan percuma rakyat

- 36 Maklumat berikut berkaitan perkembangan industri kereta nasional.

Tahun	Industri
1983	PROTON
1993	PRODUA

Mengapakah kerajaan menggalakkan pertumbuhan industri tersebut?

- I Mengatasi masalah inflasi
- II Membuka peluang pekerjaan
- III Meningkatkan pendapatan rakyat
- IV Menyekat kemasukan kereta import

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 37 Apakah usaha untuk menangani masalah kemiskinan dalam kalangan negara Komanwel?

- A Sidang Kemuncak Malaysia
- B Perjanjian Buku Merah
- C Rancangan Colombo
- D Mesyuarat ekonomi

- 38 Malaysia telah menyertai Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali Indonesia pada tahun 1976.

Apakah isu yang dibincangkan dalam persidangan tersebut?

- A Pertindihan persempadanan
- B Pergolakan di Indochina
- C Pemulihan mata wang
- D Penyalahgunaan dadah

39 Mengapakah Malaysia menjadi lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain?

- A Kerjasama penduduk tempatan
- B Kelonggaran syarat imigresen
- C Kemasukan pelancong asing
- D Kedudukan strategik

40 Gambar berikut merupakan logo Komuniti ASEAN yang ditubuhkan pada tahun 2015.



Apakah matlamat penubuhan komuniti tersebut?

- A Pertumbuhan ekonomi
- B Kemahiran tenaga kerja
- C Penetapan nilai mata wang
- D Keselamatan sempadan negara

KERTAS TAMAT